

# Ringkasan Tuntutan

Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Kota Kinabalu

[BKI-22NCvC-101/10-2018](#)

**Plaintif: Siti Nafirah binti Siman**

*Bekas pelajar SMK Taun Gusi*

*Tingkatan 4 Perdagangan "4PD" pada tahun 2015*

## DEFENDAN

**D1 — Mohd Jainal bin Jamran**

*Guru Bahasa Inggeris kelas Tingkatan 4 Perdagangan; kakitangan Kementerian Pendidikan*

**D2 — Hj. Suid Bin Hj. Hanapi**

*Pengetua SMK Taun Gusi; kakitangan Kementerian Pendidikan*

**D3 — Sekolah Menengah Kebangsaan Taun Gusi**

*Sekolah kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan*

**D4 — Pegawai Pendidikan Daerah Kota Belud**

*Pegawai Kementerian Pendidikan peringkat daerah*

**D5 — Director of Education, Sabah**

*Pegawai Kementerian Pendidikan peringkat negeri*

**D6 — Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia**

*Penasihat kepada Menteri Pendidikan*

**D7 — Menteri Pendidikan Malaysia**

*Jawatan tertinggi dalam Kementerian Pendidikan*

**D8 — Government of Malaysia**

*Majikan dan/atau prinsipal bagi kesemua defendan di atas; pembela Perlembagaan Persekutuan*

## UNDANG-UNDANG YANG DILANGGAR

**Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**

- Peraturan 3A, 3C(1), 3C(2), 23, 24, 25
- Dilanggar oleh D1, D2, D4, D5, D6, D7, D8

**Akta Pendidikan 1996**

- *Gagal menyediakan peperiksaan, tindakan yang menyalahi undang-undang dan peninggalan (omissions), tidak mengambil sebarang tindakan munasabah, hak ke atas pendidikan berkualiti*
- Dilanggar oleh D1, D2, D4, D5, D6, D7, D8

**Misfeasans (Salah Guna Kuasa) dalam Jawatan Awam**

- *Melakukan tindakan menyalahi undang-undang dan secara sengaja menyebabkan kecederaan & kerugian semasa memegang jawatan sebagai pegawai awam*
- Dilakukan oleh D1, D2, D4, D5, D6

**Perlembagaan Persekutuan**

- *Melanggar artikel 5 & 12 yang berkenaan hak pendidikan: tidak mengambil sebarang tindakan munasabah untuk mengelakkan, tindakan yang sengaja dan disertai niat dan/atau peninggalan, mempunyai pengetahuan atau cara memperoleh pengetahuan berkenaan kemudaratan yg dilakukan*
- Dilanggar oleh D1, D2, D4, D5, D6, D7, D8

**Konvensyen Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa Bersatu** (disahkan oleh Malaysia pada tahun 1995)

- *Semua artikel yang berkaitan, termasuk hak pendidikan*
- Dilanggar oleh D1, D2, D4, D5, D6, D7, D8

## FEBRUARI 2015

- D1 berhenti memasuki kelas Bahasa Inggeris 4 PD

## MAC 2015

- D1 masih enggan memasuki kelas Bahasa Inggeris 4 PD
- Pegawai pendidikan peringkat daerah, negeri, dan kebangsaan telah dimaklumkan (D4, D5, D6, D7)

## APRIL 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD
- Plaintif merayu kepada pembantu sekolah
- Pengetua dimaklumkan; pegawai pendidikan negeri **sekali lagi** dimaklumkan (D2, D5)

## MEI 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD

## JUN 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD
- Pegawai pendidikan daerah **sekali lagi** dimaklumkan (D4)

## JULAI 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD
- Pegawai pendidikan negeri sekali lagi dimaklumkan; mengaku bahawa beliau sedar tentang salah laku jangka panjang di sekolah (D5)
- Plaintif sekali lagi merayu kepada pembantu sekolah

## OGOS 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD, kecuali untuk satu minggu
- Pengetua **sekali lagi** dimaklumkan; nampak buku kehadiran 4 PD yang kosong; pegawai pendidikan peringkat daerah, negeri, dan Kementerian **sekali lagi** dimaklumkan, melawat sekolah, & enggan berjumpa dengan pelajar-pelajar 4 PD (D2, D4, D5, D6, D7)
- Pengetua, pegawai pendidikan daerah mengadakan mesyuarat dan memohon pencerapan sendiri selama dua minggu; kedua-dua pihak mendakwa tidak mengetahui ketidakhadiran D1 sehinggalah dua minggu yang lalu; D1 dipanggil untuk disoal, namun enggan menjelaskan salah laku (D1, D2, D4)

## SEPTEMBER 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD
- Pegawai pendidikan daerah **sekali lagi** dimaklumkan dan melawat sekolah, enggan berbincang tentang ketidakhadiran D1 yang berlanjutan (D4)

## OKTOBER 2015

- D1 masih enggan memasuki sebarang kelas Bahasa Inggeris 4 PD
- Pengetua berjumpa dengan kelas 4 PD; membuat ancaman untuk membatalkan semua kelas Bahasa Inggeris yang berikutnya melainkan pelajar mengaku bertanggungjawab atas ketidakhadiran D1 dan menulis ulasan yang baik tentang D1; dalam keadaan terdesak dan takut, pelajar menandatangani pernyataan-penyataan sedemikian (D2)
- Pengetua mengarahkan D1 untuk memalsukan tanda tangan kehadiran kelas Bahasa Inggeris 4 PD; mendakwa hanya tidak hadir selama dua bulan, bertentangan dengan keadaan sebenar, iaitu tujuh bulan (D1, D2)

## REMEDY

1. **Pengisytiharan bahawa** D1, D2, D4, D5, D6, D7, & D8 telah melanggar kewajipan statutori mereka di bawah Akta Pendidikan dengan (1) gagal mengajar Plaintif Bahasa Inggeris dari Februari hingga Oktober 2015 dan (2) gagal menyediakan dia untuk peperiksaan. Begitu juga, mereka (3) mencabuli hak perlembagaan Plaintif untuk menerima pendidikan di bawah Artikel 5 & 12 dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. **Pengisytiharan bahawa** D2, D4, & D5 (4) melanggar tugas mereka di bawah Peraturan 3C, 25, & 26 dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
3. **Pengisytiharan bahawa** tindakan oleh D1, D2, D4, D5, & D6 (5) merupakan misfeasans (salah guna kuasa) dalam jawatan awam.
4. Ganti Rugi dalam bentuk Teladan (Exemplary), Umum (General), & Kerosakan Teruk (Aggravated); kos; & apa-apa bentuk kelegaan yang dianggap sesuai dan wajar.